



**AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**  
**LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY**

## **HEBAHAN AWAM**

### **OPERASI PEJABAT DAN KAUNTER APAD DI CAWANGAN JPJ IPOH DITUTUP SEHINGGA 4 JUN 2021**

**KUALA LUMPUR, 22 MEI 2021** - Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ingin menarik perhatian semua pihak mengenai penutupan sementara operasi Pejabat dan kaunter APAD di JPJ Ipoh, Perak sehingga 4 Jun 2021 (Jumaat) berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Daerah Mukim Hulu Kinta, Mukim Taiping dan Mukim Pengkalan Hulu.

Dengan penutupan ini, semua urusan di kaunter APAD yang terlibat tidak akan dilaksanakan. Para pelanggan yang mempunyai urusan berkaitan APAD disarankan untuk ke cawangan APAD yang berhampiran iaitu cawangan JPJ Seberang Jaya dan Pejabat APAD Wilayah Utara di One Precint, Pulau Pinang.

Pihak APAD memohon kerjasama semua pihak agar mengambil maklum dan pihak pengurusan APAD memohon maaf atas segala kesulitan yang berlaku. Sebarang perkembangan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Unit Komunikasi Korporat  
Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)  
Kementerian Pengangkutan Malaysia